

Monstrans terbesar di dunia untuk penebusan dosa

VALENCIA, Sepanyol: Perarakan tahunan *Corpus Christi* di Valencia berlangsung dalam suasana tradisi dan simbolisme yang mendalam, menekankan kepentingan penebusan dosa. Di tengah-tengah acara itu, monstrans terbesar di dunia, mengetuai perarakan sebagai aksi penebusan dosa terhadap kekejaman yang tercetus semasa Perang Saudara Sepanyol.

Perang Saudara Sepanyol, yang melanda dari 1936 hingga 1939, menyaksikan kematian ngeri ribuan paderi, biarawati dan orang awam namun sebelas dari yang terkorban telah dikanonisasikan, lebih 2,000 telah dibeatifikasi dan 2,000 orang lagi sedang dalam proses penggelaran.

Pada bulan April, Sri Paus Fransiskus telah mengiktiraf kemartiran dua individu — seorang paderi dan bapa kepada sebelas anak — mencerminkan usaha berterusan yang menghormati mangsa peperangan kejam itu.

Peperangan itu juga telah menyebabkan kehilangan khazanah keagamaan dan seni yang penting, termasuk monstrans asal yang digunakan dalam perarakan *Corpus Christi* Valencia.

Perarakan besar-besaran di Valencia dimulakan pada tahun 1372, selepas Sri Paus Urban IV mengumumkan pada tahun 1264 untuk menjadikan perayaan *Corpus Christi* sebagai perayaan universal untuk Gereja.

Dalam tahun-tahun yang huru-hara selepas perang mengakibatkan kesan ekonomi yang merundum.

Namun, paderi Yesuit Fr Antonio de León mencadangkan kepada Uskup Agung



Para paderi membawa Monstrans untuk Orang Miskin iaitu monstrans terbesar yang dicipta untuk penebusan dosa selepas Perang Sivil Sepanyol yang kejam. Gambar CNA.

Prudencio Melo untuk membina monstrans baharu setelah monstrans lama musnah semasa perang.

Walaupun agar ragu kerana kekangan kewangan, sumbangan simbolik lima syiling perak daripada seorang buruh mendorong projek itu diteruskan. Warga Valencia, miskin dan kaya, menyumbang kepada usaha itu.

Siap pada tahun 1954, monstrans baharu ialah sebuah struktur besar, ketinggian lebih 13 kaki dan kelebaran tujuh kaki, terdiri daripada 1,300 paun perak, 18 paun emas dan ratusan batu permata dan mutiara.

Walaupun mewah, Uskup Agung Melo menamakannya sebagai "Monstrans untuk Orang



Miskin" bagi pengiktirafan terhadap sumbangan sederhana daripada para dermawan.

Monstrans itu dihiasi dengan 159 arca yang terdiri dari gambar-gambar dan ukiran gambaran Kitab Suci, para santo, mukjizat Ekaristi, Santa Perawan Maria pelindung orang-orang yang terpinggir yang juga adalah Santa Pelindung Valencia.

Monstrans ini dibawa berarak semasa perarakan *Corpus Christi*, melintasi jalan-jalan di Valencia sebagai aksi pengabdian warga Valencia.

Perarakan itu sendiri adalah katekesis yang jelas, menampilkan tokoh-tokoh yang mewakili kebajikan, cerita alkitabiah, orang kudus

dan simbol agama yang penting. Sorotan yang menarik ialah kumpulan penatua dari Kitab Wahyu, membawa lilin seberat 35 paun yang menandakan kedatangan Yesus yang hampir tiba.

Semasa perarakan, paderi dan sakristan yang diberi kuasa untuk mendupai, umat menabur bunga-bunga dari balkoni sepanjang jalan sebagai tanda menyambut kehadiran Kristus.

Sepanyol telah mengalami penderitaan yang tidak terkata semasa perang saudaranya, Monstrans bagi Orang Miskin adalah penebusan kepada hati Kristus dan penghiburan bagi segelintir orang yang masih mengingati kesan dahsyat peperangan. — CNA

Sri Paus bakal siap dokumen tentang Hati Kudus Yesus

VATIKAN: Bapa Suci Fransiskus telah mengumumkan bahawa beliau sedang bersiap untuk menulis dokumen yang didedikasikan untuk pengabdian "menerangi jalan pembaharuan Gereja, tetapi juga untuk mengatakan sesuatu yang penting kepada dunia yang nampaknya telah kehilangan semangatnya."

Semasa berbicara pada Audiensi Umum mingguan pada minggu

pertama bulan Jun, bulan yang didedikasikan untuk Hati Kudus Yesus — Bapa Suci menyatakan bahawa pada Disember 27 lalu, sempena perayaan ulang tahun ke-350 penglihatan pertama Sta Margaret Mary Alacoque tentang Hati Kudus Yesus. Pada tarikh itu, perayaan untuk ibadat ini bermula di kebanyakan negara di seluruh dunia dan ia akan berakhir pada Jun 27, tahun depan.

Sri Paus mengatakan bahawa beliau sedang menyediakan "sebuah dokumen yang mengumpulkan refleksi berharga dari teks-teks lama magisterial dan berdasarkan sejarah Kitab Suci, untuk memperkenalkan semula devosi Hati Kudus yang sarat dengan keindahan rohani untuk dunia yang telah 'kehilangan hati'."

"Saya percaya akan sangat bermanfaat bagi kita untuk merenung-

kan pelbagai aspek kasih Tuhan yang dapat menerangi jalan pembaharuan Gereja; tetapi juga untuk mengatakan sesuatu yang penting kepada dunia yang seperti kehilangan hati," katanya.

Sri Paus Fransiskus meminta umat beriman untuk menemaninya dalam doa pada masa persiapan ini, agar dapat mempersembahkan dokumen tersebut kepada umum pada bulan September ini. — CNA

Tidak ada keluaran pada Jun 23, 2024. Kami akan kembali pada Jun 30, 2024. Harap Maklum.



Mengembalikan getaran cinta

Ada kalanya geli hati seorang paderi yang tidak pernah berkahwin tetapi dicari oleh umat kerana mahu meminta bimbingan dan nasihat.

Mencari paderi untuk meminta bimbingan memang baik. Ini merupakan cara yang bijak. Memang agak ironi mencari paderi ketika ada masalah dalam rumah tangga atau hubungan, sedangkan paderi itu seorang lelaki yang tidak berkahwin, mana mungkin dia faham?

Jangan risau, pembentukan seorang paderi tidak berhenti ketika di seminari sahaja.

Para klerus sentiasa akan ada pertemuan bulanan, masa untuk kembali dibentuk dan diberi pengetahuan serta perkongsian daripada paderi lain, bagaimana memberikan pelayanan pastoral kepada golongan yang memerlukan.

Baru-baru ini, saya bertemu dengan seorang ibu, yang bertanya secara spontan bagaimana dapat merasakan getaran cinta terhadap pasangannya, seperti pada awal mereka jatuh cinta?

Getaran awal saat jatuh cinta pada sebagian besar pasangan memang sukar untuk diulang kembali.

Getaran-getaran yang dirasakan pada saat jatuh cinta memang sesuatu yang muncul dengan sangat kuat, bahkan terkadang membuat orang tidak dapat tidur.

Hal itulah yang mendorong secara kuat pasangan yang saling jatuh cinta untuk lebih mendekat satu dengan yang lain, serta ingin mengenal lebih jauh orang yang menggetarkan hatinya.

Dari tahap itu, lambat laun pasangan akan saling menyadari dan berani mengambil keputusan, bahawa orang inilah pasangan yang tepat baginya.

Pada pasangan yang sudah berkahwin atau sudah lama berkahwin, getaran-getaran cinta akan termanifestasikan dalam bentuk perhatian-perhatian yang diberikan kepada pasangan, memberikan kesenangannya dan kesediaan untuk mendengarkan serta kepekaan perasaan akan kebutuhan pasangannya.

Perhatian akan kesukaan, kepekaan perasaan serta kesediaan untuk mendengarkan tersebut akan membuahkan respek dari pasangan yang diperhatikan dan dilayani.

Pada gilirannya nanti, pasangan akan membalas dengan memberikan perhatian dan kesukaan atau kesenangannya, sehingga terjadilah proses timbal balik.

Hubungan timbal balik yang digambarkan tersebut lebih lanjut berkembang menjadi dorongan untuk selalu berdekatan atau berubah menjadi keintiman antara keduanya.

Keintiman adalah perasaan saling menerima pasangan sebagai orang yang

paling utama, sebagai *primary group*, di mana keduanya selalu dekat, saling tatap muka.

Keintiman adalah komponen emosional dalam cinta, di mana kedua pasangan mengembangkan rasa saling berbagi, saling peduli, menghargai pasangan dan komunikasi yang erat satu dengan yang lain.

Bahkan terkadang memiliki cara komunikasi tersendiri dengan inisiatif tertentu yang hanya difahami mereka berdua. Keintiman ini juga merupakan kombinasi dari rasa kebersamaan, kepekaan akan keperluan pasangan, kedekatan fizikal, serta kerelaan untuk berbahagi bahkan berkorban demi pasangannya.

Pengorbanan dan kesediaan untuk mendahulukan kepentingan bersama itulah yang membuahkan kebahagiaan dan getaran-getaran baru.

Semakin besar pengorbanan bagi pasangan, serta kesediaan mendahulukan kepentingan pasangan, akan membuahkan getaran yang semakin besar serta membahagiakan bagi yang berkorban.

Sebenarnya getaran cinta itu dapat bertahan apabila pasangan saling mengambil tanggung jawab semasa menghadapi konflik dan memelihara keharmonian antara pasangan.

Ini memang tidak mudah. Ia hanya dapat

dilakukan apabila pasangan saling menghormati karakter serta tidak memberi interpretasi yang negatif terhadap pasangan.

Perlu diingatkan pada ketika mengekspresikan perasaan, jangan terlalu ego, menuduh itu ini, sebaliknya renungilah kelemahan diri sendiri terlebih dahulu, berbincanglah dengan kerendahan hati, mohon bantuan Roh Kudus.

Adakalanya getaran cinta itu kurang kerana kesibukan bekerja. Apabila kembali ke rumah, masing-masing letih dan tidak mahu diganggu.

Dalam hal ini, pasangan perlu menjaga kesihatan dan kesegaran fizikal. Lakukan aktiviti riadah dan bersenam bersama. Semoga aktiviti bersama ini dapat mengeratkan hubungan yang mungkin mulai hambar.

Jangan risau jika rasa cinta seperti masa mula-mula *dating* tidak lagi menggebu. Manusia selalu berubah, bahkan peribadi kita sendiri setiap hari juga berubah.

Apa yang terpenting ialah relasi dengan pasangan semakin lama semakin harmoni dan nyaman. Ada kebebasan bagi pasangan untuk mengekspresikan diri.

Kunci utama relasi yang nyaman adalah kesediaan untuk saling terbuka, saling menerima dan mengutamakan pasangan.

— *Aleteia*

Pertumbuhan iman kita: berbuah atau mati?

Sejak dahulu sampai sekarang, kebanyakan orang mahu hidup dengan keinginan besar misalnya mahu menjadi orang yang semakin terkenal dan disegani, memiliki rumah dan bangunan besar dan mewah, tetapi semakin ramai juga umat yang merindukan bangunan Gereja makin besar, megah dan indah.

Diidam-idamkan juga negara yang makin sejahtera, makin besar, makin kuat. Secara manusiawi hal-hal ini dapat difahami. Ini juga dialami oleh orang-orang pada zaman Yesus.

Dan ketika Yesusewartakan Kerajaan Tuhan, kerajaan itu digambarkan secara manusiawi juga oleh orang-orang Yahudi.

Tetapi Yesus menerangkan erti Kerajaan Tuhan yang sedang dibangun itu dengan perumpamaan tentang penabur yang dikaitkan dengan penanaman benih dan pertumbuhannya.

Diperlihatkan bahawa si penabur hanya menabur dan menanam, dia tidak berbuat banyak, tetapi dengan kepastian akan hasilnya.

Hanya dikatakan bahawa benih tumbuh dan bertunas. Jadi dalam perumpamaan itu mahu ditekankan bahawa kekuatan benih itu sendiri untuk bertumbuh dan bertunas dengan sendirinya tanpa campurtangan manusia!

Bahkan akhirnya berbuah! Demikianlah Yesus dalam menerangkan, bahawa Kerajaan Tuhan yang diwartakan-Nya bergerak dan berkembang dengan diam-diam namun pasti dan penuh kepastian, sampai nanti hasilnya akan diambil dan ditentukan pada pengadilan/keputusan-Nya terakhir.

Selanjutnya Yesus menggambarkan Kerajaan Tuhan sebagai biji sesawi sangat kecil. Yesus ingin menunjukkan, bahawa Kerajaan-Nya akan berkembang, meski pun pada permulaannya memang sangat kecil dan tidak menyerlah.

Dalam perumpamaan itu, benih itu tidak tumbuh sebagai tumbuh-tumbuhan yang tinggi, melainkan rendah namun melebar.

Demikianlah dari benih-benih yang kecil akan tumbuh Gereja berkat sabda Tuhan. Semasa tiba musim menuai, ia menggambarkan saat pengadilan terakhir.

Memang pertumbuhannya lambat, seperti yang dialami Gereja, yang disebabkan oleh pelbagai hambatan, seperti penganiayaan dan dosa-dosa anggota-anggotanya sendiri. Diperlukan kesabaran dan ketabahan hati.

Tetapi Yesus menegaskan dan memberi kepastian, bahawa Gereja sebagai gambaran Kerajaan-Nya memang mulai seba-

gai biji kecil, namun akan tumbuh dan berkembang. Perkembangan itu adalah hasil kekuatan Tuhan, bukan hasil usaha kita!

Sebenarnya dengan berbicara tentang perumpamaan mengenai biji sesawi itu, Yesus berbicara tentang iman kita. Maka pesan Injil hari ini kepada kita ialah, bila kita sungguh memiliki iman yang benar dan hidup, Tuhan akan melaksanakan hal-hal yang besar dalam diri kita.

Tetapi apabila kita di mana pun hanya mahu mempercayai kekuatan kita sendiri, betapa pun besarnya, dengan pelbagai rencana dan program apa pun, untuk “mendirikan Kerajaan Tuhan”, — pasti-lah kita akan gagal dan kecewa!

Kita harus selalu ingat dan sedar, bahawa Tuhanlah yang menabur, Tuhanlah yang menyirami tanaman, dan Tuhanlah yang akan memetik hasilnya! Kita hanyalah hamba abdi yang melayani kebun tanaman Tuhan.

Saya teringat semasa Hari Kaum Muda Sedunia di Madrid, Sepanyol, Ogos 18, 2011, mendiang Sri Paus Emeritus Benediktus XVI mengajukan pertanyaan: Bagaimana hasil-hasil Hari-Hari Kaum Muda Sedunia dapat dipastikan di masa depan?”

Prelatus itu menjawab: “Tuhan selalu

HARI MINGGU BIASA KE-11 TAHUN B

Yehezkiel 17:22-24
2 Korintus 5:6-10
Injil Markus 4:26-34

menabur secara diam-diam. Hasilnya tak akan segera kita lihat dalam statistik!

Benih-benih yang ditaburkan Tuhan di tanah Hari Kaum Muda Sedunia ini sama dengan yang disebut dalam Injil.

Ada yang jatuh di jalan, dipijak-pijak lalu hilang; ada yang jatuh di tanah gersang dan lenyap; ada pula yang jatuh di antara duri-duri dan juga mati. Namun ada yang jatuh di tanah subur, tumbuh dan berbuah melimpah”.

Marilah kita sesuai dengan pesan Injil hari ini meneguhkan iman kita akan Tuhan, yang hadir dan berkarya secara diam-diam namun nyata dalam diri kita masing-masing serta bersama, sehingga sabda-Nya sebagai benih yang ditaburkan dalam hati kita dapat bertumbuh, berkembang dan berbuah sebagai manusia Kristian sejati yang dewasa. — *Msgr F.X. Hadisumarta O.Carm, iman Katolik*

Uskup Cornelius berkati Gereja St Petrus Faber, Sook



KG LANAS, Sook: Hari Pentakosta menjadi amat bermakna bagi umat di KUK Gereja St Petrus Faber, Kg Lanan, Sook apabila Gereja tersebut diberkati pada Pesta Ulang Tahun Gereja Katolik.

Ritus pemberkatan dilakukan semasa Misa Kudus yang dipimpin oleh Uskup Cornelius Piong.

Turut membantu Bapa Uskup di altar adalah paderi paroki Gereja Roh Kudus, Sook, Fr Clement Abel serta Fr Paul Mikin dari paroki St Peter, Bundu, Kuala Penyu.

Semasa homili, Uskup Cornelius Piong mengungkapkan rasa syukurnya kerana Gereja itu akhirnya diberkati untuk digunakan oleh umat tempatan.

“Akhirnya Gereja St Petrus diberkati dan umat di sini jangan lupa untuk berdoa kepada Roh Kudus agar Ia dapat berkarya dalam kehidupan kita sehari-hari,” pesan Uskup Cornelius.

Perluas itu juga menjelaskan bahawa Roh Kudus tidak pernah memaksa kita agar membuka hati kepada-Nya tetapi umat sendiri harus merendahkan hati dan memohon-Nya agar campur tan-

gan dalam kehidupan kita.

Uskup Cornelius juga gembira dan bersyukur kerana umat di Kg Lanan dapat memiliki Gereja yang lebih besar dan selesa pada hari ini kerana adanya individu-individu yang mempunyai sikap peduli.

Semasa ucapan pula, Sdra Eble Duai selaku pengerusi pelaksana mengucapkan terima kasih kepada Uskup Cornelius Piong kerana sudi memberkati Gereja St Petrus Faber.

Beliau juga mengucapkan terima kasih kepada pemimpin-pemimpin awal atas sumbangan mereka.

Sdra Eble mengucapkan terima kasih kepada Fr Paul Mikin kerana paderi itu telah memulakan usaha pencarian dana pembangunan Gereja St Petrus Faber.

“Sebagai terima kasih kepada Fr Paul, kami telah bersetuju dalam peringkat komuniti Umat Katolik (KUK) untuk menukar nama Gereja ini menjadi St Paul Miki,” kata Sdra Eble.

Gereja St Petrus atau St Paul Miki ini adalah di bawah jagaan paroki Sook. Ia mula dibina pada awal tahun 2023, dan siap sepenuhnya pada awal bulan Mei 2024. — *Juanis bin Marcus*

Si kecil Orang Asli, Myanmar diraikan sempena World Children's Day

KUALA LUMPUR: Komiti Pelayanan Migran Gereja Sacred Heart of Jesus berganding bahu dengan *Great British Circus* untuk menghiburkan sekumpulan kanak-kanak pada Mei 26 lalu.

Seramai 88 kanak-kanak yang hadir termasuk 17 kanak-kanak Orang Asli dan 61 kanak-kanak dari masyarakat Myanmar, mewakili pelbagai etnik seperti Dai, Mara, Karchin, dan Mindat.

Mereka diiringi 15 orang dewasa menyaksikan persembahan sarkas yang diadakan di *IOI Mall* di Puchong.

Seorang umat paroki, Joseph Soosainathan telah bermurah hati membiayai makan malam bagi



semua peserta.

Bagi kebanyakan kanak-kanak itu, ia adalah pengalaman pertama mereka menyaksikan persembahan sarkas. Acara itu bukan sa-

haja memberi hiburan tetapi juga berfungsi sebagai pengalaman pembelajaran yang memperkaya, mencetuskan rasa ingin tahu dan kegembiraan di kalangan mereka.

Putera-puteri kecil pimpin liturgi sempena Hari Kanak-Kanak Sedunia



Kanak-kanak menerima berkat daripada Fr Terans Thaddeus.

KOTA KINABALU: Keberanian kanak-kanak menjadi lektor, koir, pemungut kolekte semasa Misa Kudus sempena Hari Kanak-Kanak Sedunia di Katedral Hati Kudus Karamuning, adalah sangat membanggakan.

Misa Kudus dipimpin oleh Fr Terans Thadeus yang juga memberkati serta menyeru kanak-kanak agar berani bersaksi bagi Kristus.

Hari Kanak-Kanak Sedunia merupakan inisiatif Sri Paus Fransiskus dan dirayakan buat pertama kali pada tahun ini.

Tanya Jawab



Adakah anda mempunyai persoalan agama, Kitab Suci atau ajaran Gereja? Hantarkan soalan anda ke:

HERALD
5, Jalan Robertson,
50150 Kuala Lumpur
Tel: 03-2026 8291
Email:
liza@herald.com.my

Wajibkah berziarah ke Tanah Suci?

Sebelum perang Gaza-Israel, saya melihat ramai umat Kristian melakukan ziarah ke Tanah Suci. Apakah gunanya bagi orang Katolik berziarah ke Tanah Suci apatah lagi pada masa ini sedang tercetus peperangan di situ? Wajibkah setiap orang Katolik pergi berziarah?

Jawaban: Iman boleh mewujudkan sejarah! Sejarah perjalanan iman tidak dapat dilepaskan dari peribadi, waktu mahupun tempat. Terkait dengan ketiga-tiga hal ini, ada tempat-tempat yang diakui mempunyai atau berkait rapat dengan peristiwa sejarah perjalanan iman tersebut.

Iman Kristiani tidak dapat terlepas dari Yesus Kristus. Yesus, Tuhan yang beserta kita, menjadi manusia dalam kurun waktu tertentu dan di tempat tertentu. Tempat tersebut adalah sekitar kawasan Israel sekarang, yang sering kita sebut sebagai tanah suci.

Disebut sebagai tanah suci kerana di sanalah Yesus pernah hidup dan berkarya. Dia mengajar serta memiliki murid-murid dari sana, orang-orang Yahudi.

Mengenal serta mengikuti Yesus secara dekat akan membantu umat untuk lebih mengetahui keadaan geografi, latar belakang kebudayaan dan sosial di tempat di mana Yesus pernah hidup dan berkarya, demikian pula tempat-tempat di mana Yesus pernah berada.

Semakin tahu, diharapkan dengan demikian semakin mencintai serta mengikuti Tuhan. Ten-

tu ini adalah sarana bantu, bukan suatu keharusan, apalagi kewajiban.

Tradisi Katolik tidak mewajibkan berziarah ke Tanah Suci, apalagi menjadikannya sebagai suatu norma atau kewajiban dalam penghayatan hidup beriman.

Ziarah adalah suatu gambaran akan perjalanan untuk suatu tujuan tertentu, dan di sini adalah tujuan atau maksud spiritual, semakin dekat dengan Tuhan serta semakin dapat berdoa.

Katekismus Gereja Katolik menjelaskan bahawa ziarah, selain mengingatkan kita akan perjalanan ziarah kita menuju Syurga, juga penting serta tepat bagi pembaharuan doa, mencari sumber-sumber hidup untuk menghidupkan bentuk-bentuk doa Kristiani sebagai Gereja.

Intensi dasarnya adalah spiritual. Tidak menghairankanlah kalau dalam tradisi Gereja ada istilah *homo viator*, kita adalah insan yang berziarah, berada dalam perjalanan. Gereja mendorong umatnya untuk menjalani ziarah.

Dalam tradisi Perjanjian Lama, Yerusalem merupakan tempat ziarah pertama dan terutama. Di sanalah tabut perjanjian ditempatkan, sebagai matlamat ziarah.

Malahan Yesus juga berziarah ke sana (Lih. Luk. 2:41-42; Yoh. 11:55-56), seakan Yerusalem adalah arah tujuan perjalanan mistik-Nya (Lih. Luk 9:51). Sebelumnya Abraham mahupun Yakub berziarah ke Sikhem (Lih. Kej 12:6-7; 33:18-20), di mana Tuhan menampakan diri

kepada mereka.

Perjalanan kemudian dalam Gereja, tidak hanya Yerusalem namun tempat-tempat di mana ada peristiwa-peristiwa penting dalam kehidupan Yesus menjadi tempat ziarah.

Malahan tempat-tempat para kudus dan martir mahupun tempat-tempat penampakan Maria serta Gereja-gereja penting menjadi tempat ziarah.

Dalam melakukan ziarah umat menghidupi dimensi eskatologis, gambaran perjalanan ziarah menuju Syurga, dimensi pertobatan dan ibadat, mahupun dimensi apostolik serta persekutuan sebagai Gereja.

Di sini Tanah Suci mendapatkan tempat khusus kerana kaitannya dengan peristiwa Yesus, dengan peristiwa penyelamatan Tuhan melalui dan dalam diri Yesus Kristus.


Inilah kegunaan ziarah ke Tanah Suci iaitu menghidupkan kenangan akan peristiwa Yesus, yang menumbuhkan rasa bakti akan-Nya, yang diharapkan dalam menumbuhkan iman. Sudah tentu, rasa bakti akan Tuhan tidak tergantung, atau ditentukan oleh ziarah ke Tanah Suci kerana Gereja tidak menetapkannya sebagai kewajiban atau keharusan.

Namun begitu, ziarah, ke tempat-tempat ziarah yang diakui Gereja, merupakan perjalanan iman, berjalan secara nyata dan menelusuri sejarah, terutama di tempat-tempat di mana peribadi Yesus pernah hidup di dunia. — *hidupkatolik*


Sahabat kecil Yesus

Lengkapkan petikan dari Kitab Suci

Beginilah _____ Tuhan: Aku sendiri _____ firman
 akan mengambil sebuah _____ dari _____ menjulang
 _____ pohon aras yang _____ dan _____ tinggi
 _____ ; Aku mematahkannya _____ carang
 dari pucuk gang paling _____ dan _____ muda
 gang masih _____ dan Aku sendiri _____ gunung
 akan menanamnya di atas sebuah _____ hujung puncak
 _____ yang _____ tinggi ke _____ menanamnya
 atas ...
 (Yehezkiel 17:22)




CARI PERKATAAN TERSEMBUNYI




- CABANG
- UDARA
- BIJI
- SESAWI
- TANAH
- BESAR
- BENIH

A



B



Cari SEMBILAN perbezaan pada gambar ini.

Hello adik-adik,
 Apa khabar? Pernahkah adik-adik melihat biji sesawi? Antie rasa, antie tidak pernah melihatnya tetapi melalui pembacaan Injil hari ini, antie tahu bahawa benih sesawi itu pasti sangat kecil.
 Yesus menggunakan perumpamaan biji sesawi dalam menggambarkan kerajaan Tuhan.
 Kata-Nya, kerajaan Tuhan itu umpama biji sesawi yang sangat kecil berbanding benih lain tetapi apabila ditabur, ia lebih besar dari sayuran lain, mengeluarkan cabang-cabang besar sehingga burung-burung di udara dapat bersarang serta bernaung.
 Semasa kita kecil, kita menerima karunia iman Sakramen Pembaptisan. Kemudian, kita menerima Sakramen-sakramen lain untuk menguatkan

lagi iman kita khususnya Sakramen Ekaristi.
 Dosa boleh menjauhkan kita daripada Tuhan tetapi dengan Sakramen Pengakuan, Tuhan mengampuni kita dan iman kita akan terus bertumbuh.
 Bagaimana kita dapat menumbuhkan kerajaan Tuhan dalam diri kita? Dengan selalu menghadiri Misa, membaca Kitab Suci, berdoa dan melakukan kebaikan.
 Pada hari Minggu ini juga, kita menyambut Hari Bapa. Mari kita melafazkan doa "Bapa Kami" untuk semua bapa di dunia dan untuk Bapa Suci kita, Sri Paus Fransiskus.
 Antie menyediakan kad (gambar di sebelah kanan) untuk adik-adik gunting dan serahkan pada bapa adik-adik.

Salam Sayang
Antie Melly



Kepada:

Selamat Hari Bapa!

Daripada:

BELIA MILENIUM

Dua wakil pemimpin belia Malaysia hadir kongres di Roma

Laporan dan perkongsian oleh
Roney Alfred Eming

ROMA: Pada Mei 22-26 lalu, dua orang pemimpin belia dari Malaysia telah menghadiri *International Youth Ministry Congress* yang dianjurkan oleh Dikasteri untuk Rasul Awam, Keluarga dan Hidup di Il Carmelo, Roma, Itali.

Kongres yang dihadiri seramai 300 pemimpin belia dari seluruh dunia termasuk ini menumpukan *study day* dan refleksi mengenai beberapa topik seperti kepimpinan belia, sinodaliti, pembentukan dan pemantapan rohani.

Malaysia diwakili oleh dua orang perwakilan iaitu Roney Alfred Eming dari Keuskupan Keningau selaku *Director of National Youth Ministry Services* dan Karen Chan dari Keuskupan Melaka-Johor.

Dengan tema, "Pelayanan Belia Sinodal: Gaya dan strategi kepimpinan baharu", acara kongres dimulakan dengan sesi "From WYD Lisbon 2023 to WYD Seoul 2027" pada hari

pertama selepas ucapan pembukaan oleh Kardinal Kevin Farrell, prefek Dikasteri untuk Rasul Awam, Keluarga dan Kehidupan.

Tujuan sesi itu adalah untuk merenung dan menilai peristiwa penting Hari Belia Sedunia Lisbon 2023.

Semasa kongres berlangsung, terdapat banyak sesi ceramah, pembentukan iman, maklumat terkini, perkongsian dalam kumpulan, dialog dan perbincangan yang amat bermanfaat serta memberi inspirasi kepada semua yang terlibat dalam pelayanan belia.

Menurut Roney, antara sesi yang menyentuh hati adalah sesi "Kaedah Baru untuk Masa yang Baharu" di mana pemberi sesi mengongsi pentingnya untuk berdiam (*silence*) dan mendengar (*listen*) melalui kaedah 'Spiritual Conversation'.

"Adalah penting juga untuk berdoa dan memohon Roh Kudus membimbing sebelum dan semasa melaksanakan Perbualan Rohani (*Spiritual Conversation*).

Selain itu, sesi "The Reality of Today's Youth" pula telah menyedarkan para pemimpin belia untuk peka dan sedar akan situasi para belia



Momen terindah: Roney Alfred Eming dari Keuskupan Keningau bersalaman dan memeluk Bapa Suci Fransiskus. Kredit Gambar: Roney Alfred Eming.

pada masa kini selepas pandemik.

Salah satu sesi menarik dalam kongres itu, "Youth Leadership - Synodal and Missionary" membawa para peserta merenungkan tentang *Kerygma* iaitu "Tuhan mengasihi kita", "Kristus menyelamatkan kita" dan "Yesus hidup" (CV112-130).

Kaum muda juga berkesempatan untuk mendengar pengalaman Uskup Agung Peter Soon dari Korea Selatan yang mengongsi tentang strategi, sumber, cabaran dan persiapan pelaksanaan Hari Belia Sedunia (WYD) yang akan berlangsung di Seoul 2027.

Pada hari keempat kongres, diadakan audiensi bersama Bapa Suci Fransiskus di Istana Apostolik, Vatikan.

Dalam acara itu, Sri Paus Fransiskus juga menyampaikan ucapan kepada para peserta kongres.

Prelatus itu menyeru para pemimpin belia untuk terus menemani para kaum muda khususnya dua peristiwa antarabangsa akan

datang yang melibatkan belia iaitu Jubli 2025 yang bertema: Penziarah Harapan dan Hari Belia Sedunia 2027 yang bakal berlangsung di Korea Selatan.

Ada empat perkara yang ditekankan oleh Bapa Suci bagi semua yang terlibat dalam pelayanan belia iaitu meneguhkan iman di kalangan kaum muda tentang empat dasar berikut:

- Tuhan adalah Kasih
- Kristus menyelamatkan kamu
- Kristus Hidup
- Roh memberi kehidupan.

Tegasnya, golongan muda tidak seharusnya didorong untuk mempromosikan idea dan aktiviti yang telah diputuskan oleh orang lain.

Sebaliknya, orang muda harus diberi kuasa, terlibat dalam dialog, merancang aktiviti, terlibat dalam keputusan serta aktif dalam kehidupan Gereja dan paling utama, belia seharusnya orang pertama menyebarkan Khabar Gembira!



Dari kiri: Karen Chan (Keuskupan Melaka-Johor), Fr Franco Galdino, Direktur Dikasteri untuk Rasul Awam, Keluarga dan Kehidupan dan Roney Alfred Eming dari Keuskupan Keningau.

MIRI: Seramai 1,100 remaja dari pelbagai paroki di Keuskupan Miri telah menghadiri "Perhimpunan Remaja" yang dianjurkan oleh *Christ Teens* di Hotel Imperial, Miri, baru-baru ini.

Tema, "Spirit Surge", dipilih untuk perhimpunan tahun ini, untuk mengingatkan para peserta tentang kuasa Roh Kudus yang berkarya di kalangan mereka.

Selain itu, perhimpunan ini juga mengingatkan mereka untuk sentiasa menyalakan Roh Kudus dalam kehidupan seharian mereka melalui doa.

Menyaksikan sekumpulan besar remaja berkumpul untuk menghabiskan masa



1,100 remaja sertai teenagers rally

mereka dengan Tuhan Bapa dan memohon Roh Kudus — merupakan pemandangan yang sangat menyentuh hati.

Misa pembukaan telah disempurnakan oleh beberapa orang paderi pelbagai paroki di Keuskupan Miri.

Dalam salah satu ceramah yang disampaikan oleh Fr Sylvester Ngau, "Echoes of Grace" para peserta disedarkan bahawa pujian dan penyembahan adalah satu lagi kaedah berdoa kepada Tuhan.

Fr Henry Saleh dalam ceramahnya pula mengajar remaja bahawa Kitab Suci adalah sabda Tuhan yang hidup. Dalam ceramahnya, "Bahasa Cinta Tuhan", Fr Henry membimbing para peserta membaca kitab suci dengan cara "Lectio Divina".

Perhimpunan remaja itu bukan semata-mata untuk berseronok dan mencari kawan baru, tetapi ia juga merupakan "Kairos" masa dengan Tuhan! — *Today's Catholic*

Yesus menawarkan diri-Nya untuk dunia

VATIKAN: Ketika umat Katolik mengadakan perarakan Tubuh dan Darah Kristus (*Corpus Christi*) di jalan-jalan, “kita tidak melakukan ini untuk mempamerkan iman kita” sebaliknya mengajak orang lain untuk berbahagi dalam kehidupan yang Yesus berikan dengan menjadikan dirinya sebagai anugerah, kata Paus Fransiskus.

“Mari kita melakukan perarakan dalam semangat ini,” kata Sri Paus Fransiskus pada Jun 2 lalu, dalam homilinya pada Misa Hari Raya Tubuh dan Darah Kristus.

Sri Paus Fransiskus memimpin Misa di Basilika Sto Yohanes Lateran di Roma. Kardinal Víctor Manuel Fernández, prefek Dikasteri Ajaran Iman, adalah selebran utama dalam Misa itu.

Setelah Misa, lebih tiga ribu yang terdiri

daripada kardinal, uskup, paderi, religius, pergerakan Katolik, warga Roma dan awam, menyertai perarakan *Corpus Christi* menuju Basilika St Maria, sekitar satu batu jauhnya.

Sri Paus Fransiskus yang mengalami kesukaran berjalan dan sering menggunakan kerusi roda, menanti di Basilika St. Maria untuk menyambut perarakan, memimpin adorasi dan doa.

Dalam homilinya, Sri Paus Fransiskus mengatakan kehadiran nyata Kristus dalam Ekaristi menunjukkan bahawa Tuhan “tidak jauh dan cemburu, tetapi dekat dan solidaritas dengan umat manusia; Tuhan yang tidak meninggalkan kita tetapi selalu mencari, menunggu dan menemani kita, bahkan sampai pada titik menempatkan dirinya, tak

berdaya, ke dalam tangan kita, tunduk pada penerimaan atau penolakan kita.”

Menghuraikan simbol roti yang adalah makanan kehidupan sehari-hari dan mengangkat semua yang kita miliki: hidup kita, pekerjaan kita, juga kejayaan dan kegagalan kita.”

Dalam beberapa budaya, jika seseorang menjatuhkan sepotong roti dari meja, mereka mengambilnya dan menciumnya sebagai tanda bahawa “roti itu terlalu berharga untuk dibuang, meskipun sudah jatuh.”

Ekaristi mengajar umat Katolik “memberkati, mengumpulkan dan menghargai pemberian Tuhan sebagai tanda syukur” dengan tidak menyia-nyiaakan makanan, tetapi juga dengan “memaafkan dan membantu membangkitkan mereka



yang melakukan kesalahan dan jatuh kerana kelemahan atau penyimpangan, mengakui bahawa segalanya adalah anugerah dan tidak ada yang boleh hilang, tidak ada seorang pun yang boleh tertinggal dan setiap orang berhak mendapatkan kesempatan untuk bangkit kembali.” — *media Vatikan*

Kardinal tekankan pengampunan dalam memperingati tragedi Tiananmen

HONG KONG: Kardinal Stephen Chow dari Hong Kong menekankan keperluan untuk pengampunan ketika dunia memperingati ulang tahun ke-35 Pembunuhan Beramai-ramai Tiananmen.

“Apa yang berlaku 35 tahun lalu telah meninggalkan luka yang mendalam, walaupun ia telah lama berlalu tetapi ia meninggalkan parut yang sangat hodoh,” kata kardinal itu dalam refleksi yang diterbitkan dalam akhbar mingguan keuskupan *Sunday Examiner*.

Dalam peristiwa tragis Jun 4, 1989, rejim komunis China menggunakan kereta kebal dan senjata api untuk menghancurkan protes demokrasi pimpinan pelajar yang bermula pada April tahun itu dan merebak ke kira-kira 400 bandar.

Kereta kebal merempuh orang awam yang tidak bersenjata dan menggunakan kuasa kasar untuk menyeraikan orang ramai di Dataran Tiananmen Beijing.

Angka kematian yang dilaporkan adalah ratusan nyawa namun sebenarnya beberapa ribu orang telah kehilangan nyawa.

Selama beberapa dekad, penganut Katolik di Hong Kong memperingati ulang tahun itu dengan doa dan Misa serta menyertai ribuan orang di Taman Victoria di bandar itu dengan menyalakan lilin.

Namun pada tahun 2020, Beijing mengenakan undang-undang keselamatan negara dan mengharamkan peringatan acara tersebut.

Kardinal Stephen mengatakan, “Tidak kira berapa banyak yang mungkin mahu peristiwa



Kardinal Stephen Chow

ini dilupakan, ia tetap meresahkan ramai... Apa yang berlaku 35 tahun lalu telah meninggalkan luka yang amat dalam dan parut luka yang berdarah,” katanya.

Prelatus itu mengatakan lagi, meskipun tragedi Tiananmen amat pahit tetapi kita perlu meneruskan kehidupan. Iman mendorong kita untuk memaafkan.”

“Mungkin melalui pengampunan, pihak yang berbeza boleh bergerak melangkaui pihak yang saling menuding jari. Dengan pengampunan, perdamaian dan penyembuhan, mungkin mempunyai peluang yang lebih baik untuk menjadi kenyataan,” katanya.

“Walaupun memaafkan tidak bermakna melupakan, ia menawarkan prasyarat untuk kebebasan dalam kita dan masa depan yang lebih cerah untuk semua,” ujar Kardinal Stephen. — *ucanews.com*

Paderi Filipina ditugaskan untuk mision kepausan di pulau Pasifik

ROMA: Vatikan telah melantik Fr Eliseo Napiere, MSP dari Filipina untuk memimpin mision kepausan di Tuvalu, sebuah negara kecil di Kepulauan Pasifik.

Sri Paus Fransiskus melantik seorang anggota dari Serikat Misi Filipina (MSP) berusia 58 tahun itu sebagai pemimpin *Missio sui iuris* ke Funafuti di Tuvalu pada Jun 3, kata berita dari Konferensi para Uskup Filipina pada Jun 4.

Fr Napiere menggantikan Uskup Reynaldo Getalado, yang kini ditahbis dan dilantik menjadi Uskup Koajutor Rarotonga di Kepulauan Cook pada April 27.

Missio sui iuris adalah mision khusus yang didirikan oleh Sri Paus untuk wilayah terencil dan mempunyai sedikit umat Katolik.

Funafuti memiliki populasi sekitar 11,000 termasuk 110 umat Katolik yang bergabung dalam satu paroki, kata laporan itu.

Fr Napiere merupakan paderi paroki di Paroki St James Less Perris, di Keuskupan San Bernardino di California, Amerika Syarikat, sejak 2018. Beliau juga anggota dewan presbiteral keuskupan tersebut.

Lahir di kota Maribojoc, Bohol, Filipina, beliau ditahbis sebagai paderi pada Januari 19, 1991, untuk MSP.

Dari tahun 1991 hingga 1992, beliau menjadi vikaris Paroki Sakramen Mahakudus di Kota Cebu dan Direktur Gramedia serta Pembina Seminari Fil-Misi Kota Tagaytay dari tahun 1992 hingga 1994.



Fr Eliseo Napiere, MSP, dilantik oleh Sri Paus Fransiskus untuk memimpin mision khusus kepausan di negara Kepulauan Pasifik, Tuvalu. Gambar: Ucanews.com.

Dari tahun 1994 hingga 1999, beliau menjadi anggota Dewan Umum MSP.

Klerus itu menjabat sebagai misionari di Keuskupan Taichung di Taiwan tahun 2002-2016.

Di Taiwan, beliau pernah menjadi setiausaha eksekutif Komisi Migran dan Perantauan Konferensi para Uskup Taiwan, direktur nasional Kerasulan Laut, serta direktur Komisi Migran Keuskupan Taichung.

Dia ditugaskan ke Amerika Syarikat pada tahun 2016 di mana beliau pertama kali menjabat sebagai vikaris Paroki St Edward di kota Corona, yang adalah di bawah jagaan Keuskupan San Bernardino. — *ucanews.com*

Real Madrid persembahkan trofi kemenangan kepada Sta Perawan Maria Almudena

MADRID: Uskup Agung Madrid menerima tamu yang luar biasa pada Jun 2 iaitu tim sepak bola terbaik Eropah, *Real Madrid*, datang ke Katedral Sta Perawan Maria Almudena untuk mempersembahkan trofi kejuaraannya kepada Bonda Maria.

Para pemain tiba di katedral sejeurus selepas mereka kembali dari London, di mana mereka memenangi Liga *Champion*.

Real Madrid memastikan Piala Liga *Champion* kekal di tangannya buat kali ke-15 setelah menang 2-0 atas Borussia Dortmund pada Jun 1.

“Bonda Maria menyambut piala ini dan menjadikannya berkat bagi anda, keluarga anda, bagi masyarakat Madrid dan bagi semua orang yang menghargai olahraga yang membantu membuat dunia menjadi tempat

yang lebih baik,” kata Kardinal José Cobo, Uskup Agung Madrid.

Di katedral yang dipenuhi umat itu, kardinal menekankan bahawa Gereja Katolik Madrid “ingin mengucapkan selamat dengan sepenuh hati atas piala ini sambil merenung apa ertinya bagi anda dan kota kita.”

Kardinal mengucapkan selamat kepada para pemain dan pelatih tim atas kejayaan mereka.

“Olahraga merupakan sarana untuk mengekspresikan bakat yang dimiliki dan dapat membangun masyarakat. Ia juga mengajar kita nilai persaudaraan kerana apabila di padang, asal usul, bahasa, atau budaya seseorang tidak penting melainkan komitmen dan tujuan bersama!” — *media Vatikan*



AUDIENSI HARI RABU SRI PAUS FRANSISKUS BERSAMA UMAT AWAM

Bapa Suci jelaskan penggunaan kebebasan Kristian yang betul

VATIKAN: Roh Kudus memberi kita kebebasan untuk berbuat baik dan melayani orang lain dan tidak melakukan apa sahaja yang kita mahu atau mengeksploitasi yang lemah.

Bercakap di Dataran Sto Petrus sempena audiensi minggunya bersama umat awam, Sri Paus Fransiskus menyampaikan katekesis kedua tentang Roh Kudus dan Gereja.

Mengambil petikan Kitab 2 Korintus 3:17: "Di mana ada Roh Tuhan, di situ ada kebebasan." Orang yang bebas atau seorang Kristian yang bebas, adalah orang yang mempunyai Roh Tuhan," jelas Fransiskus.

"Ini adalah kebebasan yang sangat istimewa, agak berbeza daripada apa yang biasa difahami. Kita selalu menyangka kebebasan adalah tentang melakukan apa yang dikehendaki, tetapi kebebasan bagi Tuhan ialah untuk melakukan apa yang Tuhan kehendaki. Bukan kebebasan untuk melakukan kebaikan atau kejahatan, sebaliknya kebebasan untuk melakukan kebaikan dan melakukannya secara bebas, iaitu dengan tarikan, bukan paksaan."

"Dalam erti kata lain, ia lebih kepada kebebasan kanak-kanak, bukan hamba."

Bapa Suci Fransiskus juga menyatakan bahawa nama di mana Roh Kudus dipanggil dalam Alkitab, kerana katanya, nama adalah bahagian penting seseorang dan bagaimana kita menangani, membezakan, dan mengingatinya.

Kita mengenali individu ketiga Tritunggal dengan nama "Roh Kudus," jelasnya, tetapi para nabi, pemazmur, Maria, Yesus, dan para rasul memanggil Roh sebagai *Ruach*,



Sri Paus Fransiskus memberkati salah seorang hadirin semasa audiensi umumnya.

yang bermaksud nafas, angin, atau sedutan udara."

Bapa Suci berkata nama adalah sangat penting dalam Alkitab dan bahawa mereka mengatakan sesuatu tentang orang itu dan asal usul atau misinya.

Nama *Ruach* juga boleh memberitahu kita sesuatu tentang Roh Kudus. "Gambaran angin berfungsi untuk menyatakan kuasa Roh Kudus."

Yesus, juga mengaitkan Roh dengan kebebasan. "Kepada Nikodemus, yang mengunjunginya pada waktu malam, Yesus dengan sungguh-sungguh berkata, 'Angin bertiup ke mana ia mahu, dan engkau mendengar bunyinya, tetapi engkau tidak tahu dari mana ia datang atau ke mana ia pergi. Demikianlah halnya dengan setiap

orang yang dilahirkan dari Roh' (Yoh 3:8).

Satu ciri angin ialah ia tidak boleh dibotolkan atau dimasukkan ke dalam kotak. "Ia percuma," kata Sangti Papa.

Fransiskus memberi amaran terhadap godaan "untuk menyertakan Roh Kudus dalam kanon, institusi, definisi."

"Roh mencipta dan menghidupkan institusi, tetapi dia sendiri tidak boleh 'diinstitusikan,' 'dijadikan objek,'" ujar Sri Paus yang memetik dari surat pertama Rasul Paulus kepada umat di Korintus.

Bapa Suci juga berkata eksploitasi terhadap orang miskin, orang lemah dan alam sekitar oleh mereka yang lebih kaya dan lebih kuat juga merupakan penyalahgunaan kebebasan dan bukannya kebebasan Roh! — CNA

PENULIS BERKICAU

Gereja: tempat perlindungan kesihatan mental

Pada awal tahun ini, Vatikan telah mengadakan persidangan yang mengumpulkan wakil dari pelbagai pelayan kesihatan mental Katolik dari seluruh dunia.

Persidangan itu merupakan perhimpunan pertama mengenai topik pelayan kesihatan mental, menyaksikan testimoni dan pembentangan daripada pelbagai individu yang terlibat dalam pelayan kesihatan mental untuk meningkatkan kesedaran tentang pelayan serta bahaya mengabaikan seseorang yang mempunyai masalah kesihatan mental.

Menurut suatu laporan teknikal yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia pada Disember 2017, 29.2% orang dewasa (16 tahun dan ke atas) dan 12.1% kanak-kanak di Malaysia mengalami masalah kesihatan mental.

Statistik ini menjadikannya sebagai masalah kesihatan kedua terbesar yang membelenggu rakyat Malaysia selepas penyakit jantung. Dengan tekanan tambahan yang dialami dari aspek kesihatan, mental dan kewangan yang berpunca dari pasca-pandemik COVID-19, peratusan tersebut semakin meningkat.

Meskipun kesedaran mengenai penyakit mental semakin meluas, khususnya bagi Gereja yang semakin kerap mengadakan seminar mengenai kesihatan mental, masih ada stigma yang buruk dikaitkan dengannya.

Malangnya, bahawa penyakit mental hanya membuatkan seseorang sentiasa berasa sedih, menjadi 'tak waras', atau 'dirasuk' oleh kuasa-kuasa mistik yang jahat.

Stigma ini menghalang golongan yang mengalami penyakit mental daripada mendapatkan rawatan yang betul atau apa-apa bantuan.

Penting untuk anda tahu bahawa kesihatan mental dan penyakit mental adalah dua perkara berbeza tetapi saling berkaitan. Kesihatan mental merujuk pada keupayaan seseorang untuk berfikir, rasa dan bertindak dalam kehidupan seharian mereka.

Lebih dikenali sebagai gangguan mental, penyakit mental adalah suatu kondisi kesihatan yang mempengaruhi dan boleh menyebabkan perubahan pada keupayaan seseorang untuk berfikir, rasa dan bertindak.

Penyakit mental boleh dialami oleh sesiapa pun tanpa mengenal usia, dan gangguan tersebut

Dalam konferensi pertama tentang gangguan mental di Vatikan, para pakar setuju bahawa misi kita bukanlah tentang cara mengubati sebaliknya menemani mereka yang mengalami gangguan mental.

Salah seorang pakar yang mempunyai pengalaman dalam berhadapan dengan mereka yang mengalami gangguan mental berkata, bantuan tidak ternilai yang boleh kita tawarkan kepada mereka yang mengalami penyakit mental ialah menemani mereka.

Beliau yang selalu melawat pesakit mental di wad psikiatri, berkata para pesakit itu gembira apabila sentiasa dikunjungi oleh pelayan kesihatan mental Katolik.

Penyakit mental boleh dialami oleh sesiapa pun tanpa mengenal usia. Mungkin Gereja boleh membantu masyarakat menghilangkan stigma tentang kesihatan mental, mendorong ramai umat menyedari bahawa tidak ada yang salah dengan mereka sebagai orang yang menderita depresi, anxiety, skizofrenia atau gangguan bipolar.

Sebagai tempat perlindungan bagi orang-orang berdosa dan ditinggalkan, semoga Gereja memberikan ruang seluas-luasnya bagi mereka yang menderita masalah kesihatan mental.

Saya percaya, Gereja adalah wadah paling baik untuk memberitahu kepada mereka yang mengalami gangguan jiwa bahawa Kristus amat menyayangi mereka!

Menghadapi masalah dengan pembantu orang seberang

Kebanyakan kita mempunyai pembantu yang terdiri daripada orang asing. Sama ada mereka membantu kita mengasuh anak-anak, membantu perniagaan, bekerja dengan kita dalam sektor pembinaan dan banyak lagi.

Sri Paus Fransiskus sering menyeru kepada kita agar melayani pembantu kita khususnya dari golongan migran, melayani mereka kerana mereka adalah manusia bukan mesin.

Baru-baru ini, seorang ibu mengeluh kerana pengasuh anak-anaknya sering meminta atau meminjam wang untuk dikirim kepada keluarganya yang susah di kampung asal.

Situasi ini mencetuskan konflik pada diri si ibu, di satu sisi mahu menolak per-

mintaan si pengasuh tetapi di sisi lain, takut kalau keinginannya tak dituruti maka si pengasuh akan berhenti kerja.

Difahami bahawa mencari seorang pengasuh sangat sukar pada ketika ini. Tetapi hal yang sekecil dan seremeh itu boleh menjadi besar, lama kelamaan konflik ini akan menguras energi fikiran dan emosi si ibu.

Dalam hal ini, ada tiga alternatif saranan iaitu bersikap tegas, mengalah, atau kompromi.

Bersikap tegas ertinya setiap majikan perlu membuat peraturan yang tegas mengenai hak dan kewajiban pembantu misalnya menerima gaji penuh sebulan sekali atau diberi pilihan menjadi dua minggu sekali.

Bersikap mengalah contohnya apabila si pengasuh dari negara seberang asyik meminta wang pendahuluan tetapi dibiarkan dan permintaannya dipenuhi menjadi penyebab si pengasuh meneruskan sikapnya.

Dalam hal ini, majikan perlu melihat atau menyiasat keadaan, jika benar pembantu itu berada dalam keadaan darurat, maka majikan perlu membantu.

Ketiga, lihat masalah yang dihadapi oleh pengasuh atau pembantu. Jika ia melibatkan wang, ajar dan ajaklah dia untuk menabung. Ajar pengasuh atau pembantu menghargai hasil jerih payahnya sendiri.

Permasalahan berkaitan dengan pembantu atau pengasuh memang tidak pernah habis. Perlu kita sedari bahawa seseorang menjadi pembantu atau pengasuh disebabkan keadaan ekonomi yang buruk di tanah airnya. Menjadi pengasuh, amah, pembantu di restoran mahupun bekerja sebagai buruh di industri pembinaan adalah bukanlah pilihan utama.

Jika boleh memilih, tentu mereka akan memilih bekerja sebagai karyawan ataupun menjadi pengusaha.

Setiap kita, sebagai majikan dan sebagai seorang Kristian, perlu melaksanakan tanggungjawab kita sebagai ketua, melindungi pekerja kita dan menjaga martabatnya sebagai manusia. — *hidupkatolik*



Sebagai majikan dan sebagai Kristian, lindungi hak pekerja serta jaga martabat mereka sebagai manusia.

BAGI MEREKA YANG MENINGGALKAN NEGERA SENDIRI: Marilah kita berdoa agar pendatang yang melarikan diri daripada peperangan atau kelaparan, yang terpaksa melakukan perjalanan yang penuh dengan bahaya dan keganasan, agar dapat dialu-alukan dan diberi peluang hidup baharu di negara penerima.

KENINGAU: Dalam Alkitab, kata "Roh" diterjemahkan dari kata Ibrani *ru'akh* adalah kuasa Tuhan yang sedang bekerja, tenaga aktif-Nya. (Mikha 3:8; Lukas 1:35)

Tuhan mengiriskan roh-Nya dengan cara menyalurkan tenaga-Nya ke mana saja untuk melaksanakan kehendak-Nya.

Pada Jun 1, seramai 37 penerima urapan Sakramen Krisma di Gereja St Yohanes Penginjil Panui, sebuah Gereja di bawah jagaan Katedral St Francis Xavier (KSFX).

Misa Kudus Krisma ini di pimpin oleh Uskup Cornelius.

Dalam khutbahnya, Bapa Uskup menjelaskan bahawa semasa kita dibaptis semasa bayi, kita tidak memahami atau tidak mengingati bagaimana Roh Kudus itu berkerja.

Oleh itu, Gereja Katolik mengadakan Sakramen Krisma sewaktu kita sudah dewasa agar

Sakramen Krisma sebagai penguatan jiwa umat Kristus



Uskup Cornelius Piong "turun padang" ke Gereja St Yohanes Penginjil Panui untuk memberikan Sakramen Krisma kepada 37 krismawan pada Jun 1, 2024.

umat dapat memahami peranan Roh Kudus.

Sakramen Krisma biasanya difahami sebagai kelanjutan dari dua sakramen sebelumnya iaitu Sakramen Pembaptisan dan Komuni Pertama.

Dengan Sakramen Inisiasi terakhir ini, diharapkan para penerima Krisma ini dapat menjadi manusia-manusia baharu yang penuh dengan semangat Roh Kudus di dunia.

Uskup Cornelius juga menerangkan bahawa Roh Kudus berperanan

sebagai "nafas" (*ruach*) kita.

Dengan hembusan Roh Kudus, Ia mengupayakan umat untuk melakukan kebaikan dan menyembah Tuhan.

Prelatus itu berpesan, "Sebagai manusia kita sememangnya lemah".

Oleh itu, mohonlah pertolongan Roh Kudus agar kita tidak jauh daripada Tuhan.

"Kita manusia juga mudah lupa," ujar Uskup Cornelius.

"Berdoalah selalu kepada Roh Kudus agar Dia membimbing kita agar bijaksana dalam bertutur kata, bijaksana dalam berfikir dan bijaksana dalam bertindak membangun relasi dengan Tuhan, dengan sesama dan dengan seluruh alam semesta!"

Ketua Keuskupan Keningau itu juga mengambil kesempatan untuk memperingatkan kepada para krismawan dan umat yang hadir pada bahawa awal bulan Mei, Keuskupan Keningau telah merayakan Ulang Tahun Penubuhannya yang ke-31.

Maka, Uskup Cornelius menyeru umat membangun iman dalam tiga hal ini iaitu: umat bersifat komuniti, umat bersifat peduli dan setia bersaksi bagi Kristus.

Tubuh dan Darah Yesus diarak kelilingi kampung

BOLOTIKON, Papar: "Jangan biarkan Yesus berlalu. Jemputlah Dia memasuki rumah dan hati kalian," kata paderi paroki Papar, Msgr Nicholas Stephen semasa perarakan Tubuh dan Darah Yesus mengelilingi kampung pada Jun 1 lalu.

Zon Kogopon merupakan tuan rumah program yang diberi nama 'Mamanau Kampung' (Berjalan Mengelilingi Kampung) peringkat paroki Holy Rosary Limbahau sempena Hari Raya Tubuh dan Darah Yesus.

Ia dimulakan dengan Misa Kudus Senja yang dipimpin oleh Msgr Nicholas di Gereja Anthony of Padua, Bolotikon.

Selepas itu, Sakramen Mahakudus diarak ke Chapel St Dominic Savio, Mandalipau, diiringi paluan gong dan muzik tradisional



Suasana perarakan Sakramen Mahakudus mengelilingi tiga kampung di paroki Limbahau pada senja Jun 1, 2024.

Sabah.

Sakramen Mahakudus dibawa oleh Msgr Nicholas dengan menaiki kereta pacuan empat roda, bergerak perlahan melintasi rumah dan umat yang memegang lilin di rumah masing-masing.

Beratus-ratus umat yang mengi-

kuti perarakan, berjalan dengan memegang lilin bernyala, sebagai tanda terang Kristus.

Umat di Mandalipau telah diberi peluang untuk berdoa di hadapan Sakramen Mahakudus selama 30 minit sebelum Tubuh dan Darah Yesus diarak ke destinasi terakhir



ke destinasi terakhir

ke destinasi terakhir iaitu St Teresa of Avila, Kogopon. Ketiga-tiga kampung tersebut iaitu Kg Bolotikon, Mandalipau dan Kogopon juga terkenal kerana mempunyai kawasan-kawasan rekreasi serta perkhemahan yang terkenal di Sabah.

Perjalanan yang jauh dan

cuaca yang tidak menentu tidak menghalang kira-kira 500 umat dari seluruh paroki Holy Rosary Limbahau menyertai perarakan dan adorasinya ini.

Program 'Mamanau Kampung' ini diakhiri dengan majlis persaudaraan.

Holy Rosary Limbahau komited jadi Gereja Ekologi

LIMBAHAU: Bagi menyahut seruan Bapa Suci Fransiskus untuk mengambil aksi terhadap kerosakan alam, paroki Holy Rosary Limbahau (HRL) berazam untuk menjadi Paroki Ekologi dalam majlis pelancarannya pada Mei 4 lalu.

Pelancaran yang dihadiri kira-kira 100 umat ini dirasmikan oleh rektor paroki, Msgr Nicholas Stephen.

Program ini dianjurkan oleh Komiti Keadilan dan Ciptaan Tuhan paroki HRL. Antara pengisian pada hari pelancaran yang bertema, "Kita adalah pengurus alam ciptaan Tuhan" ialah: katekesis *Laudato Si'*, perkongsian tentang *Green Initiative*, pameran dan demo pembuatan lilin daripada minyak masak terpakai serta pembuatan barang perhiasan daripada bahan kitar semula.

Turut hadir bersama ialah Sr. Calista Saliun FSIC iaitu Pengerusi Komiti Keadilan dan Ciptaan Tuhan



Keuskupan Agung Kota Kinabalu serta beberapa orang dari tim beliau.

Sr Calista yang telah menyampaikan katekesis *Laudato Si'* iaitu ensiklik kedua Sri Paus Fransiskus yang diterbitkan pada Mei 2015.

Ensiklik *Laudato Si'* mengajak kita semua untuk menjaga, merawat alam dari kehancuran.

Sr Calista memetik kata-kata Sri Paus dalam ensiklik tersebut yang mengkritik konsumerisme dan pembangunan yang tak terkendali sehingga mengakibatkan kerosakan alam serta pemanasan global seraya mengajak semua orang untuk mengambil "tindakan global yang terpadu dan segera".

Sehari di tengah-tengah alam ciptaan Tuhan

SELANGOR: Pencinta Alam Semulajadi melawat ladang buah-buahan tropika berkeluasan 946 hektar di Bestari Jaya pada Mei 22 lalu.

Lawatan ini dianjurkan oleh Komisi Keadilan dan Ciptaan Tuhan Keuskupan Agung Kuala Lumpur dengan mengambil tema Hari Doa untuk Kelestarian Alam: Harapan dan Bertindak dengan Alam.

Majoriti pengunjung ialah pelawat kali pertama dan menikmati suasana alam semulajadi di Selangor *Fruit Valley*, mereka menaiki *tram*, melihat serta menyedari betapa bumi menyediakan kita dengan banyak sumber tetapi manusia hanya melakukan sedikit untuk memelihara kelestariannya.

Salah seorang peserta, Anthony Griffon, mengatakan, "Lawatan ini sangat mengujakan dan saya dapat melihat sendiri pelbagai pokok buah-buahan serta bersyukur atas anugerah alam ini ke-



pada kita semua!"

"Kunjungan ke Selangor *Fruit Valley* ini bukan sekadar bersiar-siar; ia adalah satu perjalanan ke tengah-tengah kemegahan alam semula jadi, menghormati warisan pertanian kita dan pengalaman persahabatan yang memberikan kami kenangan terindah," kata seorang peserta yang dikenali sebagai Mark.